




INDEKS HARGA PENGGUNA, OGOS 2025


Inflasi Malaysia **meningkat 1.3 peratus** pada **Ogos 2025**



INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA



INFLASI MENGIKUT SUBKUMPULAN MAKANAN & MINUMAN



Nota: ■ Julai 2025 ■ Ogos 2025
Peratusan Perubahan: Tahun ke tahun

PERUBAHAN INFLASI 573 ITEM MENGIKUT KATEGORI BARANGAN & PERKHIDMATAN



Nota: ▲ Naik ▼ Turun ◀ Kekal


Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



Inflasi Bulanan Malaysia, Ogos 2024 – Ogos 2025



@StatsMalaysia



Inflasi Malaysia meningkat 1.3 peratus pada Ogos 2025

- Inflasi Malaysia meningkat 1.3 peratus pada Ogos 2025 dengan mata indeks mencatatkan 134.9 berbanding 133.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini telah didorong terutamanya oleh peningkatan lebih tinggi kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan, 5.6 peratus; Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 4.0 peratus; Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.5 peratus; Pendidikan, 2.4 peratus; Makanan & Minuman, 2.0 peratus; Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.9 peratus dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.2 peratus.
- Sementara itu, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.2 peratus; Kesihatan, 1.1 peratus; Minuman Alkohol & Tembakau, 0.4 peratus dan Pengangkutan, 0.2 peratus menunjukkan peningkatan perlahan berbanding Julai 2025. Sebagai tambahan, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut masing-masing kekal berada pada jajaran negatif iaitu negatif 5.6 peratus dan negatif 0.1 peratus.
- Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 2.0 peratus pada Ogos 2025 berbanding 1.9 peratus pada bulan sebelumnya. Inflasi subkumpulan Makanan di luar rumah kekal dengan kadar 4.3 peratus seperti yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Manakala, Makanan di rumah menurun kepada negatif 0.1 peratus pada Ogos 2025.
- Sepuluh negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, 1.3 peratus dengan Kelantan merekodkan inflasi terendah (0.1%) pada Ogos 2025. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Johor (2.0%), Selangor (1.5%), Terengganu (1.5%) dan Negeri Sembilan (1.4%).
- Inflasi keseluruhan secara bulanan meningkat 0.1 peratus pada Ogos 2025 berbanding Julai 2025. Peningkatan ini didorong oleh Maklumat & Komunikasi (0.8%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.4%). Inflasi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain; Rekreasi, Sukan & Kebudayaan; Pendidikan dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan meningkat pada 0.2 peratus.
- Inflasi teras meningkat lebih tinggi pada 2.0 peratus pada Ogos 2025 berbanding bulan sebelumnya (1.8%). Peningkatan ini didorong oleh kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (5.6%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (4.0%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.5%) dan Makanan & Minuman (3.4%).
- Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.3%) lebih rendah berbanding inflasi di Viet Nam (3.2%), Indonesia (2.3%) dan Republic of Korea (1.7%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (-0.8%) dan China (-0.4%).

